



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
(Kementerian Sumber Manusia)**

Department Of Occupational Safety & Health
(Ministry Of Human Resources)
Aras 2, 3 & 4, Block D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P Putrajaya

Tel : 03 - 88865343
Fax : 03 - 88892443
Web : <http://dosh.mohr.gov.my>
Email : jkkp@mohr.gov.my



Ruj Tuan : DOSH-APP-00-12
Ruj Kami : JKPP IS 127/88/2-07 (5)
Tarikh : 21 Julai 2012

Pengurus,
TUV SUD PSB (MALAYSIA) SDN. BHD.
Unit 842 & 846, Block A,
Kelana Centre Point, Jalan SS7/19, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor.

Tuan,

Badankuasa Memeriksa Cawangan Malaysia Bagi Tetuan *TUV Suddeutschland Group, Munich*

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada audit yang telah dijalankan, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan berpuas hati dan tidak ada apa-apa halangan bagi pihak tuan menjalankan kerja-kerja pemeriksaan pihak ketiga bagi Tetuan *TUV Suddeutschland Group, Munich* menurut Peraturan-Peraturan (Dandang Stim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi) Kilang dan Jentera 1970.

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan hendaklah memberi perhatian sepenuhnya kepada kehendak-kehendak berikut-

- i) Pengendalian dan operasi syarikat ini hendaklah pada setiap masa berada dibawah tanggungjawab syarikat induk iaitu *TUV Suddeutschland Group, Munich*.
- ii) Jabatan ini hendaklah diberitahu secara bertulis sekiranya ada sebarang pertukaran/tambahan/pemindahan pada kakitangan teknikal, peralatan dan premis yang sedia ada.
- iii) Semua perkhidmatan dan prosedur kerja-kerja yang diberikan adalah berpandukan kepada "Quality Assurance Manual" dan "Safety and Health Manual" yang telah dipersetujui dan selaras dengan tatacara kerja yang diamalkan oleh syarikat induk tuan.
- iv) Semua kerja-kerja perlu dijalankan di bawah penyeliaan dan kawalan yang rapi oleh pihak kawalan mutu syarikat tuan sendiri dan semua rekod-rekod mestilah disimpan dengan baik dan sempurna untuk semakan Jabatan ini dari semasa ke semasa.


- v) Pihak tuan perlu memastikan kerja-kerja dan perkhidmatan yang diberi kepada syarikat-syarikat pembuat pengandung tekanan tak berapi dan dandang stim hendaklah yang telah berdaftar dengan Jabatan ini.
- vi) Pihak tuan perlu menyenaraikan nama-nama syarikat dibawah perkhidmatan, pengendalian, dan pengawasan pihak tuan yang melibatkan skop kerja pembuatan pengandung tekanan tak berapi dan dandang stim.
- vii) Pihak tuan hendaklah melantik pemeriksa bertauliah (*authorized inspector*) yang kompeten bagi menjalankan perkhidmatan syarikat terhadap pengawasan kerja pembuatan pengandung tekanan tak berapi dan dandang stim.
- viii) Pihak tuan hendaklah menyediakan latihan teknikal dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang secukupnya kepada kakitangan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan bekerja dalam keadaan selamat dan sihat.

4. Jabatan akan menjalankan pengawasan dan pemantauan ke atas syarikat tuan dari semasa ke semasa bagi memastikan syarikat tuan mematuhi kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(**ABDUL AZIZ BIN YAHYA**)
Pegangan,
Bahagian Keselamatan Industri
b/p Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

s.k Pegarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Ketua Seksyen Kelulusan Rekabentuk
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.